ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.

1 Apakah peranan golongan rakyat dalam Kesultanan Melayu Melaka?

A Melaksanakan arahan

B Mengakui kuasa sultan

C Mengukuhkan ekonomi

D Menjalankan pentadbiran

2 Fasal 9 dalam Undang-undang Laut Melaka, terdapat penegasan bahawa seorang malim harus arif tentang ilmu pelayaran.

Apakah tujuan penegasan tersebut?

A Menjamin keselesaan

B Menjaga kebajikan rakyat

C Memastikan pelayaran selamat

D Menunjukkan kewibawaan nakhoda

3 Gambar di bawah menunjukkan tokoh yang terlibat dalam perkembangan gerakan nasionalisme di Asia Tenggara.



Raden Adjeng Kartini

Apakah perkara yang didedahkan dalam karyanya berjudul *Hilang Gelap Terbitlah Terang* pada tahun 1911?

I Dasar diskriminasi Belanda

II Kemunduran bangsanya

III Pemodenan pentadbiran

IV Tuntutan hak yang sama

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

8 Apakah reaksi kakitangan kerajaan Sarawak terhadap pekeliling berikut?

| Pekeliling No 9 / 1946 |
|---|

A Mengadakan persidangan

B Menyokong penyerahan

C Menyertai Hari Hartal

D Meletakkan jawatan

9 Pihak British telah mengadakan pertemuan dengan Raja-raja Melayu di Kuala Kangsar pada 27 Mei 1946.

Apakah hasil pertemuan tersebut?

I Perjanjian baharu dibentuk

II Penubuhan persekutuan bertaraf naungan

III Pelantikan Gabenor telah diiktiraf oleh British

IV Penggubalan Perlembagaan Rakyat dilaksanakan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

10 Pengenalan Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah menjadi asas ke arah perpaduan kaum.

Apakah buktinya?

A Penubuhan Parti Perikatan

B Penubuhan Jawatankuasa Kerja

C Pilihanraya dimenangi oleh Parti Perikatan

D Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

11 Mengapakah Parti Komunis Malaya berjaya meluaskan pengaruh selepas British Military Administration (BMA) mengambil alih pentadbiran di Tanah Melayu?

A Dibenarkan menyumbang artikel akhbar

B Diiktiraf sebagai pertubuhan yang sah

C Disokong oleh Pejabat Tanah Jajahan

D Diluluskan membuka cawangan yang baharu



Scanned with CamScanner

15 Maklumat berikut merujuk kepada keputusan pilihan raya peringkat negeri pada tahun 1954.

| Perikatan UMNO-MCA memenangi 226 daripada 268 kerusi |
|---|

Apakah yang dapat dibuktikan daripada keputusan tersebut?

A Keperluan rakyat dipenuhi

B Kesetiaan rakyat kepada raja

C Kebebasan bersuara diiktiraf

D Kejayaan kerjasama pelbagai kaum

16 Apakah peranan Majlis Perundangan Persekutuan yang ditubuhkan selepas Pilihan Raya Umum 1955?

A Menggubal undang-undang

B Mengambil alih pentadbiran

C Mengetuai pentadbiran negeri

D Menguruskan kewangan negara

17 Dailog tersebut memaparkan senario politik negara era sebelum merdeka.

**Tokoh A:** *Kami wakil orang Ceylon dan kaum Serani menyokong rundingan kemerdekaan yang di lakukan.*

**Tokoh B:** *Ketua Parti Rakyat, Parti Negara dan Parti Buruh juga sokong.*

Apakah rumusan daripada sokongan tersebut?

A Kesungguhan membanteras penjajah

B Kesanggupan mengenepikan ideologi parti

C Kesediaan menerima adat resam setiap kaum

D Kehormatan terhadap arahan pemimpin negara

12 Mengapakah rakyat bergantung pada makanan berikut semasa Zaman Darurat?

- Jagung
- Keledek
- Ubi kayu

A Catuan bekalan makanan

B Kemusnahan ladang getah

C Sekatan perintah berkurung

D Kerosakan peralatan pertanian

13 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pentadbiran British di Tanah Melayu.

| Tahun | Sistem Pentadbiran |
|---|---|
| 1951 | Sistem Ahli |

Apakah tanggungjawab Ahli dalam Sistem Ahli?

I Menjaga portfolio

II Mencadangkan undang-undang

III Melantik Ahli yang berkelayakan

IV Mengetuai pentadbiran dalam negara

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

14 Mengapakah Laporan Fenn-Wu diterbitkan selepas Laporan Barnes dikeluarkan?

A Sokongan daripada pegawai British

B Bantahan daripada masyarakat Cina

C Perkembangan pendidikan Vernakular

D Kajian terhadap pendidikan kebangsaan

4 Bagaimanakah tokoh berikut membangkitkan kesedaran nasionalisme dalam kalangan masyarakat di negara kita pada awal abad ke-20?

- Abdul Rahim Kajai
- Muhammad Rakawi Yusuf
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba)

A Mewujudkan persatuan

B Membentuk parti politik

C Mengasaskan gerakan revolusi

D Menghasilkan penulisan kreatif

5 Mengapakah rancangan pendudukan Jepun terhadap negara kita merupakan salah satu usaha untuk membentuk kawasan Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya?

A Mengukuhkan ekonomi Jepun

B Memperbesar ketenteraan Jepun

C Menjamin kestabilan politik Jepun

D Menonjolkan identiti dan imej Jepun

6 Apakah taktik yang digunakan oleh Jepun untuk mendesak Albert Kwok di Sabah menyerah diri?

A Menawarkan pengampunan terbuka kepada ahli

B Melancarkan serangan balas dengan pantas dan kejam

C Memujuk ahli gerila menyerahkan diri secara sukarela

D Memberikan peluang orang tempatan dalam pentadbiran kerajaan

7 Raja-raja Melayu berhimpun di Hotel Station sebagai tanda menunjukkan bantahan terhadap Malayan Union.
Mengapakah Raja-raja Melayu bertindak sedemikian?

A Menyokong kongres Melayu

B Mengadakan Majlis Raja-raja

C Memulaukan pelantikan Gabenor

D Membincangkan draf Perlembagaan



Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

25 Perlembagaan memperuntukkan kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam pemerintahan negara.

Apakah bidang kuasa baginda?

I Menggubal undang-undang

II Melantik diplomat Malaysia

III Melantik Ketua Audit Negara

IV Penasihat utama Perdana Menteri

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

26 Bagaimanakah sistem pemerintahan beraja berperanan mengimbangi pemerintahan demokrasi?

A Raja berkecuali dalam politik

B Konsep taat setia rakyat kepada raja

C Mengikut peruntukan perlembagaan

D Raja sebagai Ketua Eksekutif Negeri

27 Gambar berikut berkaitan dengan kemudahan awam di negara kita.



Taman Rekreasi

Pihak manakah yang bertanggungjawab terhadap kemudahan tersebut?

A Pertubuhan bukan kerajaan

B Kerajaan Tempatan

C Kerajaan Negeri

D Syarikat swasta

18 Soalan 18 berdasarkan situasi di bawah.

| |
|---|
| Izzati warganegara Singapura ingin memohon menjadi rakyat Malaysia |

Bagaimanakah cara Izzati memohon menjadi warganegara Malaysia?

A Naturalisasi

B Permohonan pendaftaran

C Penguatkuasaan undang-undang

D Kebenaran Majlis Tertinggi Kabinet

19 Jawatankuasa berikut ditubuhkan bagi membuat persediaan sambutan pemasyhuran Kemerdekaan Negara.




Apakah X?

A Majlis Eksekutif

B Majlis Perundangan

C Jawatankuasa Kerja

D Jawatankuasa Sambutan

20 Prinsip kedaulatan merupakan kuasa tertinggi bagi sesebuah negara.

Mengapakah kita perlu mengekalkan prinsip tersebut?

I Membuktikan kehebatan

II Mengekalkan kesejahteraan

III Menjamin kemakmuran negara

IV Mengukuhkan kerjasama rakyat

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

21 Gambar berikut merupakan bangunan Parlimen Malaysia.




Apakah ciri negara berdaulat yang dikaitkan dengan gambar tersebut?

A Kewarganegaraan

B Persempadanan

C Pemerintahan

D Perundangan

22 Bagaimanakah rakyat boleh memainkan peranan dalam mengekalkan perpaduan kaum?

A Menghayati Rukun Negara

B Menyokong segala dasar Kerajaan

C Menganggotai pasukan ketenteraan

D Mematuhi undang-undang Malaysia

23

| *Charter of Justice* |
|---|

Apakah matlamat undang-undang tersebut diperkenalkan oleh British di Negeri - negeri Selat?

A Mewujudkan Mahkamah Tinggi

B Melindungi penduduk asal

C Menjaga keamanan negara

D Menjaga kebajikan rakyat

24 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dipinda pada tahun 1963 dan 1965. Apakah rasional pindaan tersebut?

A Desakan daripada pihak British

B Mengkaji peruntukan kuasa raja

C Menguatkuasakan undang-undang

D Menyesuaikan peruntukan negeri baharu

28 Bagaimanakah penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dilaksanakan?

A Mesyuarat Jemaah Menteri

B Mesyuarat Setiausaha Persekutuan Negeri

C Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri

D Mesyuarat Jawatankuasa Kerajaan Persekutuan dan Negeri

29 Antara berikut wilayah manakah yang menyertai gagasan Malaysia pada tahun 1963?

I Brunei

II Filipina

III Sarawak

IV Singapura

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

30 Maklumat berikut berkaitan dengan pembentukan Malaysia

31 Ogos 1963 → 16 September 1963

Mengapakah tarikh pengisytiharan pembentukan Malaysia telah ditangguhkan ?

A Tindakan ketenteraan Indonesia

B Singapura mengumumkan pemisahan

C Laporan Setiausaha PBB lewat diterima

D Parlimen Persekutuan Tanah Melayu dibubarkan

31 Mengapakah penduduk di kawasan pedalaman Sarawak dan Sabah tidak mendapat peluang pendidikan yang secukupnya?

A Keutamaan terhadap sistem pendidikan tidak formal

B Kekurangan sekolah di luar bandar

C Kekurangan sumber kewangan

D Ketiadaan sekolah Melayu



Scanned with CamScanner

32 Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan Malaysia bagi mengatasi masalah Peristiwa 13 Mei 1969?

A Membubarkan Parlimen

B Menghentikan pilihan raya

C Menubuhkan Majlis Gerakan Negara

D Mendapatkan perlindungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

33 Maklumat berikut berkenaan dengan satu laporan yang berkaitan dengan matlamat bagi memperkukuh perpaduan.

- Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR)
- Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)

Apakah dasar pendidikan yang memperkenalkan kurikulum di atas?

A Penyata Razak

B Laporan Rahman Talib

C Kajian Aminuddin Baki

D Laporan Jawatankuasa Kabinet

34 Dasar Kebudayaan Kebangsaan digubal oleh kerajaan pada tahun 1971.

Apakah prinsip dasar tersebut?

I Bertunjangkan agama Islam

II Mengutamakan elemen dari luar

III Memperkukuh identiti kenegerian

IV Berasaskan kebudayaan rakyat asal

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

35 Rajah berikut berkaitan dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB)




Apakah X?

A Memodenkan pertanian komersial

B Memajukan sektor perindustrian

C Mencapai kesejahteraan kaum

D Merapatkan jurang ekonomi

36 Manakah padanan gelaran yang tepat dengan tokoh bumiputera tersebut?

| | TOKOH | BIDANG |
|---|---|---|
| A | Tan Sri Azman Hashim | Korporat |
| B | Tan Sri Mustapha Kamal | Hartanah |
| C | Tan Sri Effendi Norwawi | Perbankan |
| D | Tan Sri Syed Mokhtar al-Bukhari | Perniagaan |

37 Peta berikut berkaitan misi pengaman yang disertai Malaysia di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.




Mengapakah Malaysia menyertai misi tersebut ?

A Mendaulatkan undang-undang

B Menghapuskan dasar aparteid

C Memberi latihan kemahiran teknikal

D Meningkatkan taraf hidup penduduk

38 Apakah manfaat yang Malaysia diperolehi daripada menyertai Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM)?

A Mendapat pengiktirafan dunia

B Menjadi kuasa ekonomi dunia

C Menjalinkan hubungan luar yang lebih terbuka

D Meningkatkan kekuatan angkatan ketenteraan negara

39 Ekonomi dunia didominasi oleh negara maju.

Apakah kesan tindakan tersebut terhadap Malaysia?

I Pelaksanaan pembayaran levi

II Penggunaan mata wang USD

III Pembentukan pelbagai tarif dan cukai

IV Pelbagai sekatan dan halangan dikenakan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

40 Gambar menunjukkan Anugerah Langkawi yang diisytiharkan oleh Malaysi




Apakah kriteria melayakkan seseorang menerima anugerah tersebut?

A Memajukan inovasi ternakan

B Menaikkan bidang pelancongan

C Membangunkan bidang alam sekitar

D Melakukan penyelidikan dalam perubatan

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

1249/1@2024 Hak Cipta PPMP Sejarah Daerah Kulai